

**TEKS UCAPAN LT. KOL PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
BERSEMPENA DENGAN KEJOHANAN BOLING TENPIN JEMPUTAN PIALA  
CANSELOR KUKUM PADA 11 JULAI 2004 DI PYRAMID MEGALANE,  
SUNWAY PYRAMID, BANDAR SUNWAY, PETALING JAYA, SELANGOR.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SELAMAT SEJAHTERA

YANG DIHORMATI WAKIL-WAKIL INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM  
(IPTA) MALAYSIA

YANG DIHORMATI WAKIL-WAKIL AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA  
SERTA WAKIL-WAKIL MEDIA YANG DISANJUNGKI

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA DI ATAS LIMPAH KURNIA SERTA IZIN-NYA MENZAHIRKAN KEJOHANAN BOLING TENPIN JEMPUTAN PIALA CANSELOR KUKUM DI PYRAMID MEGALANEINI. SAYA BERASA AMAT TERHARU DAN BERBANGGA KERANA KEJOHANAN BOLINGINI MERUPAKAN ACARA YANG JULUNG-JULUNG KALI DIADAKAN OLEH KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM).

SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA BARISAN TETAMU SERTA DIF-DIF KEHORMAT YANG TELAH SUDI HADIR DAN MENYERTAI KEJOHANAN BOLING TENPIN PIALA CANSELORINI. SEMOGA KEJOHANANINI AKAN MERAPATKAN HUBUNGAN SILATURRAHIM ANTARA KUKUM DAN ORGANISASI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA DI MASA-MASA AKAN DATANG. INSYALLAH.

JUTAAN TERIMA KASIH, SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA KEJOHANAN BOLING PIALA CANSELOR KERANA KEGIGIHAN DAN KERJA KERAS ANDA SEMUA DALAM MERANGKA KERJA DAN MEMASTIKAN KELANCARAN PERTANDINGANINI WALAUPUN BERADA NUN JAUH DI UTARA TANAHAIR DAN MENDEPANI BEBANAN KERJA SEHARIAN YANG BUKAN SEDIKIT. SEGALA PENGORBANAN DAN USAHA ANDA SEMUA YANG TIDAK PERNAH KENAL ERTI PENAT LELAH DEMI MEMARTABATKAN NAMA KUKUM DI PERSADA DUNIA PENDIDIKAN TANAHAIR AMAT SAYA SANJUNGI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

KEJOHANAN BOLING PIALA CANSELOR KUKUM 2004INI DIADAKAN BAGI MERAIKAN PEMASYHURAN TUANKU CANSELOR, TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, PEMANGKU RAJA PERLIS, SEBAGAI CANSELOR PERTAMA KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) YANG BAKAL DIMASYHURKAN DALAM MAJLIS PENUH ADAT ISTIADAT PADA 17 JULAI 2004 NANTI DI DEWAN WARISAN, KANGAR, PERLIS INDERA KAYANGAN.

UNTUK MAKLUMAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN, KUKUM DITUBUHKAN SEBAGAI IPTA PADA 25 JULAI 2001. PENUBUHAN KUKUM BERTUJUAN UNTUK MELAHIRKAN JURUTERA BERKEMAHIRAN TINGGI BAGI MEMENUHI DAN MENYOKONG PELAN PERINDUSTRIAN NEGARA SELAIN MEMBERI ALTERNATIF KEPADA PELAJAR YANG CENDERUNG KEPADA PEMBELAJARAN SECARA PRAKTIS.

PEMBELAJARAN YANG DILAKSANAKAN ADALAH SECARA ‘HANDS-ON’ BAGI MENGHASILKAN JURUTERA YANG BERKEBOLEHAN DALAM MEREKABENTUK, MEMBUAT PERALATAN, MENGUJI DAN MENYELENGGARA SERTA MENGAPLIKASI SEBARANG KONSEP TEORI. PROGRAM AKADEMIK KUKUM ADALAH BERASASKAN 60% PENGAJARAN DALAM BENTUK PRAKTIKAL DAN 40% DALAM BENTUK PENGAJARAN TEORI.

MEMANDANGKAN KUKUM MASIH BELUM MEMPUNYAI KAMPUS TETAP MAKA KAMI MENGAPLIKASIKAN KONSEP ‘DISTRIBUTED CAMPUS’ BAGI OPERASI PENTADBIRAN DAN PEMBELAJARAN DI SELURUH NEGERI PERLIS SEPERTI DI BAGUNAN KWSP, KANGAR, TAMAN JKKB, KUBANG GAJAH DAN JEJAWI, ARAU DAN DI KUALA PERLIS. SEHINGGA KINI KUKUM MEMPUNYAI BILANGAN PELAJAR SERAMAI 1321 ORANG PELAJAR YANG MENGIKUTI 10 JENIS KURSUS KEJURUTERAAN DI BAWAH ENAM PUSAT PENGAJIAN.

KEJOHANAN SUKAN SEPERTIINI BUKAN SAHAJA DAPAT MENYIHATKAN BADAN MALAH SECARA TIDAK LANGSUNG IA DAPAT MERAPATKAN UKHUWAH DAN HUBUNGAN SILATURRAHIM ANTARA SATU SAMA LAIN. IBARAT SEPERTI KATA ORANG-ORANG TUA, YANG JAUH KITA DEKAT-DEKATKAN DAN YANG DEKAT KITA MESRA-MESRAKAN BAGI MENJALINKAN SATU HUBUNGAN YANG DIHARAPKAN AKAN KEKAL ABADI.

KEJOHANANINI SECARA TIDAK LANGSUNG JUGA MEMBUKA RUANG KEPADA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA HORMATI UNTUK MENGENALI KUKUM DENGAN LEBIH DEKAT. MUNGKIN MASIH RAMAI

YANG BELUM MENGETAHUI KUKUM SECARA MENDALAM HATTA IA TELAH DITUBUHKAN KIRA-KIRA TIGA TAHUN YANG LEPAS. TAK KENAL MAKA TAK CINTA. JUSTERU ITU SUDI-SUDIKAN LAH BERTANYA KEPADA WARGA KERJA KUKUM YANG BEGITU MESRA DENGAN SESIAPA SAHAJA.